

KAEDAH PENGAJARAN YANG DIAMALKAN OLEH TENAGA PENGAJAR
DI INSTITUT MEMANDU

SHAFIZA ELIZA BINTI SULAIMAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Fakulti Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2018

PENGHARGAAN

Teristimewa buat yang tersayang, mak, abah dan adik-beradik. Semua usaha ini adalah untuk mak dan abah dan diusahakan kerana Allah. Setinggi-tinggi penghargaan bagi penyelia projek sarjana, Dr Jamil Bin Abd Baser, terima kasih atas segala bimbingan dan bantuan yang diberikan sepanjang pengajian ini. Serta sekalung penghargaan buat panel penilai pembentangan projek sarjana dan rakan-rakan seperjuangan yang membantu menjayakan projek ini. Terima kasih kepada rakan rapat yang disayangi yang sentiasa memberikan sokongan dan sentiasa memberikan semangat sepanjang masa. Tidak dilupakan juga tenaga pengajar di institut memandu daerah Batu Pahat atas kerjasama dan waktu yang diberikan dalam memberikan maklumat berkenaan kajian ini serta semua yang terlibat. Semoga Allah s.w.t sentiasa memberikan petunjuk, taufik dan hidayah atas segala usaha dan amal ibadah yang telah dan sedang kita jalankan.



PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJANGAN AMINAH

ABSTRAK

Tenaga pengajar yang bertugas di institut memandu memainkan peranan yang penting untuk mendidik dan melahirkan seorang pemandu yang berkemahiran dalam pemanduan kenderaan. Objektif kajian ini ialah untuk (i) mengenal pasti kaedah mengajar dominan yang diamalkan oleh tenaga pengajar di institusi memandu, (ii) mengenal pasti perbezaan kaedah mengajar yang diamalkan oleh tenaga pengajar di institut memandu berdasarkan kepada data demografi dan (iii) mengenal pasti persepsi tenaga pengajar di institut memandu terhadap kemahiran pemanduan pelajar. Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan berbentuk deskriptif dengan menggunakan instrumen berskala *Likert*. Seramai 60 responden yang terdiri daripada tenaga pengajar dalam daerah Batu Pahat Johor dipilih untuk menjawab borang soal selidik. Data di analisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 22 dengan mencari nilai skor min, ujian t-tidak bersandar dan ujian ANOVA. Hasil analisis mendapati kaedah mengajar dominan yang diamalkan oleh tenaga pengajar di institut memandu adalah kaedah tunjuk cara dengan skor min sebanyak 4.71. Pengkaji mendapati kaedah mengajar seperti kaedah secara langsung, kuliah, koperatif dan penemuan berpandu juga diamalkan di institut memandu. Kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan kaedah mengajar yang diamalkan oleh tenaga pengajar di institut memandu dalam daerah Batu Pahat berdasarkan kepada jantina dan kelayakan akademik tenaga pengajar. Secara keseluruhannya, persepsi tenaga pengajar di institut memandu terhadap kemahiran pemanduan pelajar berada pada tahap tinggi dengan purata skor min sebanyak 4.65. Hasil kajian ini diharap dapat membantu tenaga pengajar di institut memandu untuk sentiasa berusaha dalam meningkatkan lagi dan menguasai kemahiran mengajar yang melibatkan pengajaran praktikal dalam kawalan dan pengendalian kenderaan.



ABSTRACT

Driving instructors at the driving institute play an important role in educating and producing a skilled and competent driver. The objective of this study was to (i) to identify the dominant teaching method practiced by the instructors in the driving institution (ii) identify the different teaching methods practiced by the instructors at the driving institute based on demographic data and (iii) identifying instructors' perceptions on driving institutes on student driving skills. The design of this study is a descriptive study using Likert Scale instrument. A total of 60 respondents who were instructors in Batu Pahat Johor were selected to answer the questionnaires. The data is analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22 by finding the mean score, the independent t-test and the ANOVA test. The result of the analysis found that the dominant teaching method practiced by the driving instructors at the driving school was the demonstration method with a mean score of 4.71. Researchers found that teaching methods such as direct teaching methods, lectures discussion, cooperatives learning and guided discoveries were also practiced at the driving institute. The study also shows that there is no difference in the teaching method practiced by the driving instructors at the driving school in the district of Batu Pahat based on the gender and academic qualifications of the driving instructors. Overall, the perception of teaching staff at the driving school towards the driving skills of students is at a high level with an average score of 4.65. The results of this study are expected to assist instructors at the driving institutes to continuously strive to enhance and master teaching skills that involve practical teaching in the control and handling of vehicles.



ISI KANDUNGAN

PENGESAHAN STATUS TESIS		
	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	v
	ISI KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Skop Kajian	8
	1.7 Kerangka Konseptual	8



1.8	Kepentingan Kajian	9
1.8.1	Tenaga Pengajar Institut Memandu	9
1.8.2	Institut Memandu	10
1.8.3	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)	10
1.8.4	Penyelidik-Penyelidik Lain	11
1.9	Batasan Kajian	11
1.10	Definisi Terminologi	11
1.10.1	Tenaga Pengajar	12
1.10.2	Institut Memandu	12
1.10.3	Kaedah Pengajaran	12
1.10.4	Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	13
1.10.5	Kemalangan Jalan Raya	13
1.10.6	Pedagogi	13
1.10.7	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPP)	14
1.10.8	Pengaruh	14
1.10.9	Persepsi	14
1.11	Kesimpulan	15
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	16
2.1	Pendahuluan	16
2.2	Kemalangan Jalan Raya	16
2.2.1	Punca Kemalangan Jalan Raya	17
2.2.2	Impak Kemalangan Jalan Raya	18



2.3	Institut Memandu (IM) di Malaysia	19
2.3.1	Pelajar Institut Memandu	19
2.3.2	Tenaga Pengajar Institut Memandu	20
2.3.3	Jenis Kursus Institut Memandu di Malaysia	20
2.3.3.1	Kursus Keselamatan Pemanduan	20
2.3.3.2	Kursus Pelesenan	21
2.4	Kaedah Pengajaran	21
2.4.1	Kaedah Pengajaran Secara Langsung	22
2.4.2	Kaedah Pengajaran Secara Kuliah	23
2.4.3	Kaedah Pengajaran Penemuan Berpandu	24
2.4.4	Kaedah Pengajaran Koperatif	24
2.4.5	Kaedah Pengajaran Tunjuk Cara	25
2.4.6	Pendidikan dan Latihan Keselamatan Jalan Raya	25
2.4.7	Kurikulum Pendidikan Keselamatan Jalan Raya	26
2.4.8	Keberkesanan Pelaksanaan Kurikulum	27
2.5	Data Demografi	30
2.6	Kaedah Pengajaran Dan Persepsi Tenaga Pengajar Terhadap Kemahiran Pelajar	31
2.7	Kesimpulan	32
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	34
3.1	Pendahuluan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	34



3.2.1 Kerangka Reka Bentuk Kajian	35
3.3 Populasi dan Persampelan Kajian	37
3.4 Instrumen Kajian	37
3.5 Kajian Rintis (<i>Pilot Test</i>)	38
3.5.1 Kesahan (<i>Validity</i>)	39
3.5.2 Kebolehpercayaan (<i>Reliability</i>)	40
3.6 Kaedah Analisis Dapatan Kajian	40
3.7 Kesimpulan	42
BAB 4 ANALISIS DATA	43
4.1 Pendahuluan	43
4.2 Analisis Soal Selidik	41
4.2.1 Demografi	44
4.2.1.1 Jantina	44
4.2.1.2 Umur	45
4.2.1.3 Pengalaman Mengajar	46
4.2.1.4 Kelulusan Akademik Tertinggi	47
4.3 Dapatan Kajian	48
4.3.1 Persoalan Kajian Pertama	49
4.3.2 Persoalan Kajian Kedua	55
4.3.3 Persoalan Kajian Ketiga	56
4.3.4 Persoalan Kajian Keempat	60
4.3.5 Persoalan Kajian Kelima	62



4.3.5	Persoalan Kajian Keenam	64
4.4	Rumusan	66
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	67
5.1	Pendahuluan	67
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	67
5.2.1	Rumusan Dapatan Objektif Pertama	68
5.2.2	Rumusan Dapatan Objektif Kedua	69
5.2.3	Rumusan Dapatan Objektif Ketiga	71
5.3	Cadangan Terhadap Dapatan Kajian	72
5.3.1	Tenaga Pengajar Institut Memandu	72
5.3.2	Institut Memandu	73
5.3.3	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)	73
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	74
5.5	Rumusan	74
5.6	Penutup	75
	RUJUKAN	76
	LAMPIRAN	88
	VITA	154



SENARAI JADUAL

2.1	Jadual Kurikulum Pendidikan Keselamatan Jalan Raya	23
2.2	Jadual Fasa Strategi Pengajaran Secara Arahan Langsung	27
3.1	Jadual Skala Likert	36
3.2	Jadual Pekali Kebolehpercayaan	37
3.3	Jadual Interpretasi Skor Min	39
3.4	Jadual Persoalan Kajian dan Analisis Statistik	39
4.1	Jadual Taburan Responden Mengikut Jantina	42
4.2	Jadual Taburan Responden Mengikut Umur	43
4.3	Jadual Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	44
4.4	Jadual Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	45
4.5	Jadual Min Keseluruhan Bagi Kaedah Mengajar Secara Pengajaran Langsung	48
4.6	Jadual Min Keseluruhan Bagi Kaedah Mengajar Perbincangan Secara Kuliah	49
4.7	Jadual Min Keseluruhan Bagi Kaedah Mengajar Perbincangan Secara Penemuan Berpandu	50
4.8	Jadual Min Keseluruhan Bagi Kaedah Mengajar Secara Koperatif	51
4.9	Min Keseluruhan Bagi Kaedah Mengajar Secara Tunjuk Cara	52
4.10	Jadual Analisis Skor Min Bagi Kaedah Pengajaran Tenaga Pengajar di Institut Memandu	53



4.11	Jadual Keputusan Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Perbezaan Kaedah Pengajaran Langsung Mengikut Jantina	55
4.12	Jadual Keputusan Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Perbezaan Kaedah Perbincangan Secara Kuliah Mengikut Jantina	55
4.13	Jadual Keputusan Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Perbezaan Kaedah Penemuan Berpandu Mengikut Jantina	56
4.14	Jadual Keputusan Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Perbezaan Kaedah Pembelajaran Koperatif Mengikut Jantina	56
4.15	Jadual Keputusan Ujian-T Tidak Bersandar Bagi Perbezaan Kaedah Tunjuk Cara Mengikut Jantina	57
4.16	Jadual Nilai Signifikan Keseluruhan	57
4.17	Jadual Analisis Perbezaan Kaedah Pengajaran Yang Diamalkan Oleh Tenaga Pengajar Di Institut Memandu Berdasarkan Pengalaman Mengajar	59
4.18	Jadual Analisis Perbezaan Kaedah Pengajaran Yang Diamalkan Oleh Tenaga Pengajar Di Institut Memandu Berdasarkan Kelayakan Akademik	61
4.19	Jadual Min Keseluruhan Bagi Persepsi Tenaga Pengajar Institut Memandu	63



PTA AUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

1.1	Rajah Kerangka Konsep Kaedah Pengajaran Yang Diamalkan Oleh Tenaga Pengajar Di Institut Memandu	9
3.1	Kerangka Operasi Kajian	36
4.1	Rajah Carta Pai Peratusan Responden Mengikut Jantina	44
4.2	Rajah Carta Pai Peratusan Responden Mengikut Umur	45
4.3	Rajah Carta Pai Peratusan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	46
4.4	Rajah Carta Pai Peratusan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi	47



SENARAI SINGKATAN

Pdp	-	Pengajaran dan pembelajaran
JPJ	-	Jabatan Pengangkutan Jalan
MIROS	-	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

A	Carta Gantt Projek Sarjana	85
B	Borang Soal Selidik	90
C	Borang Pengesahan Pakar	95
D	Surat Memohon Kebenaran	101
E	Dapatan Kajian Rintis	108
F	Lampiran Persoalan Kajian Pertama : Hasil Analisis Dapatan Kajian (SPSS)	113
G	Lampiran Persoalan Kajian Kedua : Hasil Analisis Dapatan Kajian (SPSS)	135
H	Lampiran Persoalan Kajian Ketiga : Hasil Analisis Dapatan Kajian (SPSS)	136
I	Lampiran Persoalan Kajian Keempat : Hasil Analisis Dapatan Kajian (SPSS)	138
J	Lampiran Persoalan Kajian Kelima : Hasil Analisis Dapatan Kajian (SPSS)	144
K	Lampiran Persoalan Kajian Keenam : Hasil Analisis Dapatan Kajian (SPSS)	149



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Guru atau pengajar dapat didefinisikan sebagai seorang pendidik yang mempunyai tanggungjawab dalam menyampaikan pengetahuannya kepada pelajar seterusnya membawa perubahan kepada pelajar dari segi tingkah laku (Khairul, 2012). Pengajar memainkan peranan yang penting dalam melahirkan individu yang lebih berketerampilan, berkemahiran tinggi dan mempunyai sahsiah yang tinggi. Menurut Gavrilă, Boacă dan Tulbure (2017), kaedah pengajaran seseorang pengajar mempengaruhi pembentukan kompetensi guru dalam penyampaian isi pengajaran yang berkesan kepada pelajar. Bagi memastikan PdP yang berkesan, pengajar perlu mempunyai strategi dalam menyediakan alat bantu mengajar. Selain itu, pengajar juga perlu mempunyai kemahiran dalam menjalankan aktiviti semasa proses PdP serta mempunyai pengetahuan dalam menilai aktiviti yang dijalankan (Rashid, 2016). Menurut Alias (2017), gaya atau kaedah pengajaran dan kemahiran yang bersesuaian dengan latar belakang pelajar, situasi dan objektif yang ingin dicapai amat penting bagi memastikan PdP berjalan dengan lebih berkesan.

Terdapat pelbagai gaya atau kaedah pengajaran yang boleh digunakan dalam menyampaikan isi pengajaran seperti pendekatan pengajaran berpusat kepada pengajar dan juga pendekatan pengajaran berpusat kepada pelajar. Pengajaran berpusat kepada pengajar berlaku apabila pengajar menjadi individu utama dalam proses PdP di mana pengajar dan pelajar memainkan peranan yang sama aktif dalam proses PdP (Teach, 2007). Sebagai contoh, pendekatan pengajaran berpusat kepada pengajar adalah seperti kaedah pengajaran terus (*direct instruction*), kaedah bilik darjah dan



pembelajaran kinestatik. Selain itu, pendekatan pengajaran berpusat kepada pelajar pula memfokuskan kepada pembelajaran sendiri pelajar di mana pengajar hanya menjadi fasilitator atau pembimbing sahaja. Contoh bagi pendekatan pengajaran berpusat kepada pelajar pula ialah seperti PdP berasaskan pertanyaan, pengalaman dan permainan.

Menurut Mayhew *et al.* (2015), PdP bukan hanya berlaku di sekolah sahaja malahan boleh berlaku di mana-mana sahaja melibatkan pelbagai bidang dan juga pelbagai kemahiran, tidak terkecuali juga kemahiran dalam mengendalikan kenderaan. Institut memandu merupakan satu institut yang melahirkan pelajar berkemahiran dalam memandu kenderaan di jalan raya. Institut memandu berfungsi untuk melatih pelajar supaya berkemahiran dalam mengendalikan kenderaan seperti kereta, motosikal, bas dan lori. Secara umumnya, perkembangan latihan memandu di Malaysia boleh dibahagikan kepada empat fasa. Fasa pertama ialah pada tahun 1957 iaitu sekolah memandu telah diperkenalkan. Fasa kedua pula ialah pada tahun 1990-an di mana institut memandu pula diperkenalkan bagi menggantikan sistem sekolah memandu. Fasa ketiga pula ialah pada tahun 2000, Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) diperkenalkan dan plan penambahbaikan telah dirangka oleh kerajaan. Fasa yang ke empat pula ialah pada tahun berikutnya di mana program akreditasi bagi institut memandu dijangkakan akan diimplementasikan (Jawi *et al.*, 2015).

Pengajar di institut memandu merupakan individu penting yang berperanan dalam mengajar pelajar melalui tiga fasa yang diwajibkan untuk lulus iaitu teori, praktikal dalam litar dan praktikal di atas jalan raya sebenar (Jawi *et al.*, 2015). Dalam Kurikulum Pendidikan Pemandu, kesemua tiga fasa latihan tersebut melibatkan aspek kognitif, psikomotor dan afektif. Menurut Wan (2017), dalam ujian teori, pelajar perlu menguasai fakta dan undang-undang jalan raya dan menjawab soalan secara dalam talian, praktikal dalam litar pula memerlukan pelajar untuk berkemahiran dalam mengendalikan kenderaan seperti di litar bukit, tiga penjuru dan cara untuk meletakkan kenderaan dalam tempat letak kenderaan. Pelajar juga perlu lulus dalam ujian memandu di atas jalan raya sebenar dengan mematuhi peraturan jalan raya yang telah ditetapkan.

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ, 2013), telah menetapkan calon pengajar di institut memandu perlu memiliki Sijil Pengajar Institut Memandu (SPIM) yang



dikeluarkan oleh Jabatan Pelesenan JPJ sebelum dilantik sebagai pengajar di institut memandu. SPIM merupakan satu sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelesenan JPJ dengan syarat seseorang itu merupakan warganegara Malaysia, kelayakan minimum akademik ialah SPM, memiliki Lesen Memandu yang berkaitan, lulus ujian kesihatan dan tidak pernah disabitkan dengan jenayah. Pengajar yang mempunyai kebenaran mengajar yang sah dan juga mempunyai sijil mengajar yang ditauliahkan perlulah mempunyai ilmu tentang kaedah pengajaran yang perlu diimplementasikan supaya PdP yang berkualiti dapat dihasilkan.

PdP perlulah menjadi salah satu daripada proses pembelajaran sepanjang hayat di mana ilmu dan kemahiran yang dipelajari digunakan untuk seumur hidup (Assailly, 2015). Kualiti pengajar yang cekap diperlukan dalam mencapai objektif PdP. Pengajar perlu menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan supaya penyampaian ilmu dapat disampaikan dengan lebih efektif. Oleh yang demikian, proses PdP yang dijalankan oleh tenaga pengajar di institut memandu amat penting kerana setiap pengajar perlu berkemahiran dan profesional dalam menghasilkan pelajar yang mahir mengendalikan kenderaan supaya dapat mengelakkan kemalangan jalan raya dan kehilangan nyawa.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kadar kematian yang disebabkan oleh kemalangan jalan raya amat membimbangkan kerana kemalangan jalan raya bukan sahaja mengakibatkan kehilangan nyawa, malah boleh menyebabkan kerugian wang ringgit yang banyak kepada negara (Sugiyanto, 2017). Kajian yang dijalankan oleh Green (2016) mendapati masalah kemalangan jalan raya berpunca daripada sikap pemandu yang tidak berhemah dan tidak bertanggungjawab. Kajian ini mendapati pemandu jalan raya masih tiada lagi kesedaran dalam kepentingan keselamatan jalan raya di mana sikap pemandu memandu kenderaan sambil menggunakan telefon bimbit masih tinggi. Sikap pemandu yang sambil lewa dan cuai seperti makan semasa memandu, bersolek ketika memandu dan menggunakan telefon semasa memandu juga menjadi faktor penyumbang kepada kadar kemalangan jalan raya (Green, 2016).

Tambahan lagi, menurut Odenheimer *et al.* (2015), kemalangan jalan raya boleh berlaku disebabkan kecuaiannya pemandu lain. Kajian ini mendapati risiko bagi pemandu yang berusia 61 tahun sehingga 89 tahun lebih tinggi di mana mereka berasa tidak selamat dalam membuat keputusan semasa pemanduan, namun mereka menganggap kemahiran mereka dalam pengendalian kenderaan mencukupi untuk mereka memandu kenderaan di atas jalan raya dan faktor kesihatan yang dihadapi oleh golongan ini seperti menghadapi penyakit demensia, *Alzheimer* dan sensitiviti kepada cahaya. Hasil kajian mendapati masih lagi terdapat orang yang lebih berusia memandu di atas jalan raya tanpa menghiraukan keselamatan pemandu lain. Kesannya, peningkatan kepada kemalangan jalan raya tidak dapat dielakkan.

Faktor persekitaran seperti cuaca juga menyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan jalan raya. Pemanduan dalam keadaan jalan raya yang basah selepas hujan amat membahayakan pengguna jalan raya disebabkan jalan yang licin (Ismail, 2017). Selain itu, memandu dalam keadaan cuaca buruk juga merupakan salah satu faktor yang boleh membahayakan nyawa dan penyebab kemalangan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Cham *et al.* (2017), mendapati kadar kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh cuaca amat membimbangkan kerana mencatatkan bilangan tertinggi terjadi kemalangan jalan raya apabila hujan kerap berlaku. Ini membuktikan bahawa kemahiran dan cara pengendalian kenderaan pemandu semasa cuaca buruk masih dalam tahap rendah dan tidak memuaskan.

Selain daripada sikap pemandu dan cuaca yang menjadi antara salah satu daripada penyebab kemalangan jalan raya, faktor infrastruktur jalan raya yang teruk juga menjadi salah satu penyebab mengapa berlakunya kemalangan jalan raya dan seterusnya meningkatkan kadar kemalangan jalan raya. Menurut kajian yang dijalankan oleh Persia *et al.* (2016), mengenalpasti tempat yang berbahaya dan berpotensi menyebabkan kemalangan jalan raya amat penting. Hasil kajian yang dijalankan mendapati, faktor tertinggi dalam menyumbang kepada kehilangan nyawa di atas jalan raya adalah disebabkan oleh keadaan jalan raya dan infrastruktur jalan raya masih pada tahap tertinggi. Faktor keadaan jalan raya yang tidak diselenggara dikenalpasti sebagai faktor dominan yang menyumbang kepada kemalangan jalan raya.

Menurut Isler *et al.* (2011), proses belajar memandu adalah satu tugas yang kompleks kerana proses ini memerlukan bukan sahaja kemahiran yang menggunakan

fizikal yang tinggi malah proses ini juga memerlukan seseorang individu itu mempunyai kebolehan berfikir yang tinggi di mana jika berlaku sedikit kecuaiian atau kesilapan ia boleh mengakibatkan berlakunya kehilangan nyawa dan kemalangan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Sheppard *et al.* (2011), calon memandu yang menjalani latihan kemahiran memandu yang lebih banyak daripada segi masa praktikal secara statistik menunjukkan perubahan yang ketara dan terdapat penambahbaikan dalam kemahiran memandu termasuk kemahiran kawalan kenderaan, pilihan kelajuan di tempat tertentu dan peningkatan kognitif seperti persepsi tentang bahaya di jalan raya, mengamalkan sikap yang lebih selamat semasa memandu dan bertambah keyakinan untuk memandu. Namun begitu, menurut kajian yang dijalankan oleh Cham *et al.* (2017) mendapati kekurangan jam dalam latihan dan tahap latihan yang diberikan di institut memandu masih dalam tahap rendah. Kajian yang dijalankan oleh Boccara *et al.* (2011) juga mendapati jam latihan mengajar oleh tenaga pengajar di institut memandu tidak mencukupi dan menyebabkan pelajar tidak bersedia untuk menjalani ujian pemanduan.

Pengajar di institut memandu memainkan peranan yang paling penting dalam menyediakan pembelajaran yang berkualiti kepada calon pemandu baru. Menurut kajian yang dijalankan oleh Tisca *et al.* (2016), mendapati institut memandu masih lagi kekurangan tenaga pengajar professional yang khusus berkemahiran dalam keselamatan jalan raya termasuk dalam menyediakan tenaga pengajar baru di institusi pendidikan tinggi. Tenaga pengajar yang tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup dalam aspek pengetahuan isi pengajaran, kaedah penyampaian PdP dan juga cara mengendalikan kelas merupakan masalah utama yang menyebabkan calon pemandu baru tidak dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dengan baik dan berkesan. Dalam kajian Gregersen *et al.* (2012) juga mendapati kekurangan tenaga pengajar yang pakar juga menyumbang kepada peningkatan kemalangan jalan raya.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Mazumder dan Ahmed (2014), salah satu ciri bagi seseorang pengajar yang baik adalah dengan sentiasa mencari penyelesaian untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran mereka melalui penilaian terhadap pencapaian pelajar yang berkenaan. Namun begitu, sesetengah pengajar institut memandu di Malaysia juga didapati tidak cakna dan lalai dengan proses pembelajaran pelajar di mana pengajar telah membiarkan calon pemandu baru untuk membuat



latihan praktikal tanpa bimbingan dan pengawasan tenaga pengajar, masih terdapat tenaga pengajar yang tidak mempunyai Sijil Pengajar Institut Memandu (SPIM), tenaga pengajar tidak memakai tali pinggang keledar dan tidak mempunyai Sijil Kenderaan Institut memandu yang sah (Kumarappa, 2016).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Boccara *et al.* (2014) mendapati, tenaga pengajar yang bertanggungjawab dalam melatih pelajar memandu menggunakan kaedah pengajaran kaedah tunjuk cara yang salah iaitu tidak mengikut langkah demi langkah seperti yang telah digariskan dalam kurikulum pemanduan. Hasil daripada kajian ini mendapati pelajar tidak yakin dengan keputusan semasa berada dalam situasi pemanduan kerana masih bergantung pada tenaga pengajar untuk memberikan arahan. Ianya meningkatkan risiko kemalangan jalan raya dan impaknya peningkatan kadar kemalangan jalan raya akan semakin tinggi. Tambahan lagi, tenaga pengajar di institut memandu tidak mendapat latihan kemahiran mengajar secara formal, oleh yang demikian, kaedah pengajaran secara kuliah dan demonstrasi yang berlangsung di institut memandu dijalankan dengan kaedah atau teknik yang salah (Stefano *et. al*, 2016). Ini membuktikan bahawa segelintir tenaga pengajar masih lagi tidak mencapai standard dan masih tidak menggambarkan profesionalisme sebagai seorang tenaga pengajar.

1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan kajian terdahulu yang dibincangkan dalam latar belakang masalah, pengkaji mendapati bahawa, masalah utama ialah kemalangan jalan raya yang berpunca daripada pemandu itu sendiri. Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan kemalangan jalan raya. Pengkaji juga mendapati terdapat masalah dalam kaedah penyampaian pengajaran yang diamalkan dalam kalangan tenaga pengajar institut memandu. Masalah yang dikenalpasti ialah masa yang diperuntukan untuk menjalani latihan tidak mencukupi dan tahap latihan kemahiran pemanduan masih pada tahap rendah serta kaedah pengajaran tenaga pengajar yang membiarkan pelajar untuk menjalani latihan secara sendiri tanpa pemantauan juga merupakan masalah yang perlu dibendung. Selain itu, kajian terdahulu juga mendapati institut memandu masih lagi kekurangan tenaga pengajar yang profesional dan juga mempunyai kelayakan yang

secukupnya untuk memberikan kursus kemahiran memandu. Tambahan lagi, tenaga pengajar yang bertanggungjawab dalam melatih pelajar memandu menggunakan kaedah pengajaran kaedah yang salah iaitu tidak mengikut langkah demi langkah seperti yang telah digariskan dalam kurikulum pemanduan. Seterusnya, tenaga pengajar di institut memandu tidak mendapat latihan kemahiran mengajar secara formal. Oleh yang demikian, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti kaedah pengajaran yang diamalkan oleh tenaga pengajar institut memandu supaya ianya dapat membantu dalam membendung masalah yang sedia ada supaya impak yang lebih buruk tidak berlaku pada masa hadapan.

1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang ingin dicapai ialah:

- (i) Menenalpasti kaedah mengajar dominan yang diamalkan oleh tenaga pengajar di institusi memandu.
- (ii) Menenalpasti perbezaan kaedah mengajar yang diamalkan oleh tenaga pengajar di institut memandu berdasarkan kepada data demografi.
- (iii) Menenalpasti persepsi tenaga pengajar di institut memandu terhadap penguasaan kemahiran memandu pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:

- (i) Apakah kaedah mengajar yang diamalkan oleh tenaga pengajar di institusi memandu?
- (ii) Apakah kaedah mengajar yang dominan yang diamalkan oleh tenaga pengajar di institut memandu?
- (iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kaedah mengajar pengajar lelaki dan perempuan?


- (iv) Adakah terdapat perbezaan terhadap kaedah pengajaran yang diamalkan oleh tenaga pengajar di institut memandu berdasarkan pengalaman mengajar?
- (v) Adakah terdapat perbezaan terhadap kaedah pengajaran yang diamalkan oleh tenaga pengajar di institut memandu berdasarkan kelayakan akademik?
- (vi) Apakah persepsi tenaga pengajar di institut memandu terhadap penguasaan kemahiran memandu pelajar?

1.6 Skop Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada tenaga pengajar di institut memandu. Kajian ini dijalankan di 5 buah institut memandu dalam daerah Batu Pahat, Johor. Aspek yang dikaji dalam kajian ini ialah kaedah mengajar yang diamalkan oleh tenaga pengajar di institut memandu. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat perbezaan kaedah mengajar yang signifikan antara kaedah pengajar lelaki dan perempuan, perbezaan berdasarkan pengalaman mengajar dan juga berdasarkan kelayakan akademik. Selain itu, kajian ini juga melihat persepsi tenaga pengajar di institut memandu terhadap kemahiran pelajar dalam kawalan kenderaan.

1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka konsep ialah gabungan daripada beberapa pemboleh ubah kajian atau teori yang dibina dalam bentuk kerangka kajian (Alias, 2017). Dalam kajian ini, pengkaji mempunyai beberapa pemboleh ubah iaitu tenaga pengajar di institut memandu, kaedah pengajaran yang diamalkan oleh tenaga pengajar di institut memandu. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian ini. Kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar di institut memandu mempengaruhi proses pembelajaran kepada pengajar dan pelajar. Merujuk kepada objektif pertama kajian, iaitu mengenalpasti kaedah mengajar dominan yang diamalkan oleh tenaga pengajar di institusi memandu, pembolehubah bersandar ialah kaedah mengajar.



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk pihak-pihak yang terlibat seperti tenaga pengajar di institut memandu, institut memandu dan JPJ dan penyelidik lain.

1.8.1 Tenaga Pengajar Institut Memandu

